

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : NASIONAL

## 199 farmasi, klinik tawar kit ujian COVID-19 lebih murah

Oleh Roselan Ab Malek  
bhnews@bh.com.my

**Temerloh:** Pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati, terdapat 199 farmasi dan klinik di seluruh negara, menjual kit ujian pantas sendiri COVID-19 di bawah harga ditetapkan kerajaan, RM19.90 seunit.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam, menyifatkan usaha klinik dan farmasi terbabit adalah baik kerana kit RTK Ujian Pantas Kendiri itu kini semakin mendapat sambu-

tan orang ramai kerana kes COVID-19 masih meningkat.

"Ini adalah satu petanda yang bagus. Pihak farmasi dan klinik sedia bekerjasama dengan kerajaan dengan menawarkan harga yang lebih rendah bagi membolehkan lebih ramai membelinya.

"Kita mendapat maklumat di pihak pemborong juga berlaku sedikit penurunan harga. Ini adalah satu petanda baik yang mana satu masa nanti lebih ramai dapat membelinya kerana harga yang lebih murah.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Dana RM471.6j laksana pakej penjagaan wabak

## Pek pelitup muka, oximeter bakal dimanfaatkan 3.6 juta keluarga B40

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memperuntukkan lebih RM471.6 juta untuk melaksanakan Pakej Penjagaan COVID-19 (PPC) yang di-

jangka memberi manfaat kepada kira-kira 3.6 juta keluarga B40 sebagai persediaan ke arah era endemik COVID-19.

Melalui pakej itu, kerajaan akan mengagihkan bantuan PPC yang terdiri daripada pek pelitup muka guna semula, kit ujian sendiri COVID-19, satu oximeter, satu termometer dan risalah panduan penggunaan serta info kesihatan.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia antara persediaan negara ke arah era endemik COVID-19 serta memas-

takan individu dan keluarga di negara ini bebas daripada jangkitan virus itu.

"Pemberian PPC buat masa ini akan dimulakan dengan penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang sudah berkeluarga.

"Mereka ini adalah dalam kalangan isi rumah B40 yang sudah berkahwin dengan ada atau tidak mempunyai anak, termasuk ibu atau bapa tunggal yang mempunyai anak.

"Inisiatif ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih kurang 3.6 juta keluarga B40.

"Secara keseluruhannya terdapat 8.4 juta penerima BPR," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menerusi bantuan itu, setiap keluarga akan menerima empat keping pelitup muka guna semula dan empat kit ujian sendiri COVID-19.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan pakej itu antara lain bertujuan meringankan beban kewangan perbelanjaan isi rumah golongan B40.

"Selain itu, ia bagi melatih diri golongan itu membudayakan norma baharu, sekali gus mem-

Pemberian PPC buat masa ini dimula dengan penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang sudah berkeluarga. Mereka ini adalah dalam kalangan isi rumah B40 yang sudah berkahwin

Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri



bantu melindungi keluarga mereka daripada jangkitan virus COVID-19," katanya.

Beliau berkata, semua perincian berhubung pelaksanaan PPC akan diumumkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

# KKM sedia beri dos penggalak awal bulan depan

Dari Muka 1

Ismail Sabri berkata, perincian mengenai pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 akan diumumkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Isu mengenai keperluan dos penggalak tercetus berikutan kebimbangan penularan pantas varian baharu, khususnya Delta sehingga boleh merisikokan petugas kesihatan dan berkemungkinan dijangkiti COVID-19 dengan komplikasi serius sekiranya dos awal tidak lagi berkesan.

Ketika ini, beberapa negara termasuk ASEAN sudah memberi suntikan dos ketiga vaksin COVID-19, antaranya Singapura, Indonesia dan Thailand dengan keutamaan kepada golongan berisiko seperti petugas barisan hadapan serta kumpulan rentan.

Laporan bulan lalu turut menyebut Jerman, Perancis, Israel dan Chile tetap meneruskan program suntikan penggalak COVID-19 berikutan bimbang penularan akan terus meningkat.

Negara berkenaan tetap dengan pendirian itu meskipun berdepan gesaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) supaya menangguhkan suntikan penggalak sehingga lebih ramai penduduk dunia menerima dua dos yang ditetapkan.

Ketua Pengarah WHO, Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, yang menggesa penundaan suntikan ketiga vaksin, berkata sikap mementingkan diri dengan terus memonopoli bekalan vaksin global sememangnya tidak boleh diterima.

Katanya, beliau memafhami kebimbangan yang semakin me-

ingkat sehingga memaksa pemerintah mengambil langkah terburu-buru ini untuk melindungi penduduk masing-masing daripada ancaman varian Delta.

Khairy ketika ditemui media di Alor Setar, Kedah selepas mesyuarat Pasukan Tugas Immunisasi COVID-19 (CITF) negeri itu berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) sedia memulakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 mulai awal bulan depan.


Beliau berkata, kumpulan yang dikenal pasti mendapat suntikan dos ketiga termasuk golongan tua yang mempunyai morbiditi, petugas barisan hadapan dalam situasi berisiko tinggi, mereka yang mempunyai imuniti rendah serta kakitangan dan penghuni rumah warga emas.

"Selepas itu kita akan buka kepada yang lain, yang ini untuk kumpulan pertama kita mungkin akan dapat dilaksanakan pada awal Oktober.

"Ini sangat penting sebab golongan inilah daripada data kematian, data kategori lima yang berada di ICU (unit rawatan rapi), kebanyakan mereka terdiri daripada golongan berkenaan," katanya.

Khairy juga menjelaskan, pemberian dos ketiga tidak bermaksud hasil pemberian dua dos vaksin yang diberikan sebelum ini tidak berkesan, sebaliknya ia bagi meningkatkan sistem imun individu.

Ketika ini, kira-kira 1.8 peratus sahaja lagi diperlukan bagi Malaysia mencapai sasaran 80 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi, demikian kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, di Johor Bahru, semalam.



Khairy beramah mesra dengan kakitangan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar ketika lawatan di hospital berkenaan, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

Sehingga kelmarin, negara telah merekodkan 78.2 peratus daripada populasi dewasanya lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19.

Sementara itu, pakar virologi menyarankan kerajaan mempertimbangkan kaedah heterologus, iaitu campuran vaksin berbeza untuk pemberian dos ketiga vaksin COVID-19.

Pakar virologi daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Yahya Mat Arip, berkata kajian di beberapa negara yang melaksanakan kaedah itu mendapati penerima vaksin campuran keluaran tertentu memberikan tahap perlindungan yang sangat baik daripada virus COVID-19.

"Pemberian dos penggalak ini

boleh diberikan menerusi dua kaedah, iaitu secara homologus atau heterologus.

"Kaedah homologus bererti kerajaan kekalkan pemberian dos ketiga yang sama seperti dos pertama dan kedua, manakala heterologus pula bermakna dos ketiga menggunakan vaksin berbeza berbanding dos sebelumnya.

"Kajian di Thailand yang menggunakan kaedah heterologus menunjukkan campuran dos pertama dan kedua keluaran Sinovac dengan dos ketiga keluaran AstraZeneca, menunjukkan tahap perlindungan yang baik," katanya ketika dihubungi BH.

Beliau berkata, ada negara yang mencampurkan dos pertama dan kedua keluaran Sinovac

dengan dos ketiga keluaran CanSino juga menunjukkan tahap perlindungan yang baik.

"Berdasarkan data yang ada, kita boleh menilai dan melihat sama ada kaedah dan jenis vaksin digunakan sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia," katanya.

Dr Yahya mengakui terdapat keperluan pemberian dos ketiga berikutan penularan varian Delta, selain tahap imuniti yang akan berkurangan dalam tempoh tertentu selepas menerima dos kedua vaksin COVID-19.

Bagaimanapun, beliau berpandangan kerajaan tetap perlu memberi keutamaan untuk menyelesaikan pemberian dua dos lengkap vaksin kepada sekurang-kurangnya 80 peratus daripada keseluruhan penduduk negara, bukan 80 peratus daripada penduduk dewasa.

Ini kerana katanya, kerajaan juga sudah mula memberikan vaksin COVID-19 kepada golongan remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Selain itu, beliau berpandangan, dos ketiga vaksin COVID-19 itu hanya perlu diberikan atas faktor kesihatan dan belum ada keperluan untuk golongan yang sihat, termasuk petugas barisan hadapan.

"Untuk yang tiada masalah kesihatan, termasuk petugas barisan hadapan, sistem keimunan daripada dua dos vaksin yang diterima sudah mencukupi jika berlaku jangkitan.

"Apabila sudah terima dua dos, memori yang dihasilkan sel-b dan sel-t boleh merangsang dan memberi perlindungan jika mereka memiliki tahap kesihatan yang baik," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

## Penularan COVID-19



Anggota polis melakukan pemeriksaan dan pemantauan pematuan SOP pengunjung di kawasan Taman Rimba Kancing, Rawang, semalam. (Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

# Nilai ambang fasa endemik diteliti

## Kerajaan ambil kira pelbagai faktor sebelum buat keputusan

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sedang meneliti indikator dan nilai ambang yang akan digunakan untuk negara beralih ke fasa endemik COVID-19.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata perbincangan sedang diadakan pihaknya bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian berkaitan, sebelum dibawa ke Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik.

Tengku Zafrul, yang juga Menteri Penyelaras Pelan Pemulihan Negara (PPN), berkata ketika ini, indikator yang digunakan untuk negeri beralih ke fasa seterusnya di bawah PPN adalah kadar vaksinasi, kapasiti di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kadar pesakit COVID-19 kategori tiga, empat serta lima.

"Ketika ini, kita berbincang apakah indikator dan nilai ambang yang boleh digunakan untuk kita beralih ke fasa endemik pula.

"Satu nilai ambangnya yang sudah kita umumkan adalah pada akhir Oktober, 100 peratus rakyat Malaysia dewasa akan divaksinasi. Sekarang ini, kadarnya kira-kira 75 peratus," katanya ketika ditemu ramah dalam rancangan *Optik@Selamat Pagi Malaysia* di saluran RTM, semalam.

Tengku Zafrul berkata, di bawah PPN, kerajaan akan menggunakan data semasa dan laporan terbaru untuk membuat keputusan berhubung isu berkaitan COVID-19.

Berpandukan data semasa, katanya, banyak negeri yang sudah beralih ke Fasa Dua dan Tiga PPN, malah ada negeri yang akan beralih ke Fasa Empat dalam masa terdekat.

"Ini adalah pelan yang dinamik, yang fokus kepada ekonomi dan sosial. Kita bukan hanya gunakan laporan di Malaysia tetapi juga pada peringkat antarabangsa.

"Sebagai contoh, penggunaan dos penggalak. Menteri Kesihatan (Khairy Jamaluddin) sudah umumkan pemberian dos penggalak dalam masa terdekat dan bagi yang berusia 18 tahun ke bawah juga, mereka sudah mula divaksin di Sarawak," katanya.

Pada masa sama, beliau turut menasihati orang ramai supaya tidak leka dan kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan apabila lebih banyak sektor akan dibuka menjelang negara mema-

suki fasa endemik COVID-19.

Tengku Zafrul berkata, adalah penting untuk masyarakat berbuat demikian kerana perkembangan semasa menunjukkan masih berlaku kluster COVID-19 membabitkan sektor tertentu.

Kluster berkenaan wujud akibat sikap sesetengah pihak yang mula alpa menjaga SOP susulan daftar akaun MySejahtera milik sendiri, katanya pada sidang media di sini, semalam.

Selain itu, Khairy berkata, antara punca berlaku masalah ialah pemilik akaun MySejahtera tidak mengesahkan nombor kad pengenalan dalam akaun mereka.

"Pengguna perlu mengesahkan nama dan kad pengenalan di bahagian Vaksin COVID-19 selain perlu melengkapkan soal selidik mengenai maklumat sendiri.

"Terdapat juga pengguna mempunyai lebih daripada satu akaun MySejahtera. Sijil digital vaksin hanya akan dipaparkan di akaun MySejahtera yang digunakan ketika menerima vaksin di Pusat

"Ini (kewujudan kluster) kerana kadang-kadang kita dah macam 'okey kembali normal, tak payah lagi dah nak ikut SOP'. Kita dapat lihat dari segi aktiviti sosial, ramai juga yang macam dah lupa (menjaga SOP)," katanya.

Pada masa sama, Tengku Zafrul berkata Kementerian Kewangan bersikap terbuka dalam membantu mereka yang terkesan dari segi ekonomi, malah buat kali pertama dalam sejarah negara, Kementerian itu telah menerbitkan Kenyataan Pra-Bajet (KPB) menjelang Belanjawan 2022.

Kementerian itu juga memberi peluang kepada rakyat berjumpa mereka secara maya dan bertulis, selain mengeluarkan kertas konsultasi awam untuk mendengar dengan lebih mendalam pendapat pakar dari luar.

"Itulah dua fokus kami untuk membantu rakyat dan juga perniagaan buat masa terdekat ini dan juga membuat perancangan untuk tahun 2022 supaya negara kita pulih semula," katanya.

## Masalah sijil vaksin di MySejahtera selesai dalam tempoh seminggu

**Alor Setar:** Kementerian Kesihatan (KKM) berjaya menyelesaikan lebih 500,000 masalah ketiadaan paparan sijil vaksin digital dalam aplikasi MySejahtera, dalam tempoh seminggu ini.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata pihaknya mengambil maklum aduan individu yang tidak menerima sijil itu di aplikasi MySejahtera, selepas menerima vaksinasi dos pertama atau dos kedua.

Beliau berkata, masalah itu dapat diselesaikan selepas pihaknya mengenal pasti beberapa punca dan KKM akan terus mengemaskini maklumat penerima vaksin.

"KKM menerima sebanyak 95,347 aduan berkaitan dengan pengguna MySejahtera yang antaranya berpunca daripada status penerima vaksin sebagai tanggungan, menyebabkan sijil vaksin digital individu terikat dengan pemilik akaun MySejahtera.

"Pemilik akaun perlu keluaran akaun tanggungan bagi membolehkan tanggungan mendaftar akaun MySejahtera sendiri," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Selain itu, Khairy berkata, antara punca berlaku masalah ialah pemilik akaun MySejahtera tidak mengesahkan nombor kad pengenalan dalam akaun mereka.

"Pengguna perlu mengesahkan nama dan kad pengenalan di bahagian Vaksin COVID-19 selain perlu melengkapkan soal selidik mengenai maklumat sendiri.

"Terdapat juga pengguna mempunyai lebih daripada satu akaun MySejahtera. Sijil digital vaksin hanya akan dipaparkan di akaun MySejahtera yang digunakan ketika menerima vaksin di Pusat

Pemberian Vaksin (PPV)," katanya.

Beliau berkata, KKM turut menerima sebanyak 71,408 aduan mengenai paparan sijil digital vaksin berpunca daripada PPV tidak melengkapkan proses dokumentasi, selepas individu selesai menerima vaksin.

Katanya, bagi isu berkenaan, MySejahtera sedang membuat penyelarasan dengan PPV terbit bagi memastikan pengguna akan menerima paparan sijil digital vaksin di dalam aplikasi MySejahtera.

"Saya juga ingin mengingatkan petugas PPV supaya semak dan memastikan setiap penerima vaksin menerima sijil vaksin digital di dalam aplikasi MySejahtera, sebelum mereka meninggalkan PPV.

"Selain itu, terdapat juga aduan daripada individu yang menerima sijil di PPV bukan dikendalikan KKM dan Protect Health Corporation (Protect Health).

"Masalah ini berlaku kerana PPV ini tidak menggunakan sistem MySejahtera dan menyebabkan sijil vaksin digital tidak dapat dipaparkan di dalam aplikasi MySejahtera, sebaik sahaja proses pemberian vaksin selesai.

"Sijil digital itu hanya akan dipaparkan di dalam MySejahtera setelah PPV bukan kendalian KKM atau yang dikendalikan Protect Health menghantar maklumat kepada MySejahtera," katanya.

Khairy berkata, bagi mengatasi kesulitan disebabkan ketiadaan paparan sijil digital, individu yang menerima lengkap vaksinasi boleh menggunakan kad vaksinasi fizikal.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Individu positif kes dikesan 523 kali daftar masuk premis

## Pesakit didapati ingkar arahan pengawasan di rumah

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 523 kali daftar masuk ke premis, termasuk pasar raya, membabit-

kan individu positif COVID-19 yang diarah menjalani Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) di Kedah, sepanjang tempoh minggu lalu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata jumlah daftar masuk berkenaan dikesan melalui aplikasi MySejahtera digunakan individu terbahit.

"Saya memaklumkan kepada Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, bahawa berlaku 523 kali daftar masuk yang dikesan melalui aplikasi MySe-

jahtera, dalam tempoh seminggu.

"Jumlah 523 ini bukan individu, tetapi bilangan daftar masuk. Individu terbabit sepatutnya menjalani kuarantin dan berada di rumah tetapi mereka dikesan keluar ke premis.

"Malah, 18 peratus daripadanya didapati adalah daftar masuk di pasar raya," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau bersama Muhammad Sanusi menghadiri Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) di Wisma Darul Aman.

Susulan itu, Khairy Jamaluddin meminta semua pemilik dan petugas di lokasi tumpuan agar sentiasa melakukan pengawasan ketat di pintu masuk premis masing-masing bagi menghalang individu bawah HSO daripada masuk.

"Nama individu bawah HSO tetapi keluar itu akan dihantar kepada Jabatan Kesihatan Kedah untuk tindakan lanjut kerana mereka sepatutnya tidak boleh keluar.

"Pada masa sama, saya berharap Kedah dapat meningkatkan kadar vaksinasi di negeri ini

berikutan terdapat 17 peratus penduduk dewasa didapati belum menerima suntikan dos pertama dengan perhatian ialah daerah Baling dan Pendang yang terkebelakang dalam vaksinasi," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan kebanyakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara semakin langka dan tidak seramai seperti sebelum ini, berikutan hampir 80 peratus populasi dewasa berkelayakan sudah menerima suntikan vaksin masing-masing.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

# Fasa 3 awal Oktober

## Kelantan teliti liputan vaksinasi dan trend jangkitan sebelum beralih

### Gua Musang

**K**elantan dijangka beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada akhir bulan ini atau selewat-lewatnya awal Oktober susulan 75 peratus individu dewasa di negeri ini sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin setakat kelmarin.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, beberapa kriteria perlu dipertimbangkan seperti liputan vaksinasi dan trend kes harian Covid-19 sebelum peralihan terbabit.

“Insya-Allah kita akan terus melakukan aktiviti ter-

masuk program jangkauan luar (*outreach*) kepada golongan yang belum disuntik dan kita yakin sasaran 80 peratus rakyat disuntik akan tercapai pada akhir bulan ini atau awal bulan depan,” katanya pada Program Vaksinasi Orang Asli Gua Musang di Pos Gob di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, setakat semalam penduduk negeri ini yang telah menerima vaksinasi penuh ialah kira-kira 35 peratus.

Dr Zaini berkata, peningkatan kadar suntikan vaksin juga menunjukkan perkembangan positif apabila memasuki pesakit Covid-19 tahap serius ke hospital su-

dah berkurangan.

“Walaupun kes harian Covid-19 di negeri ini masih mencatat empat angka sejak 10 September lalu, namun secara majoriti iaitu 95 hingga 97 peratus pesakit Covid-19 yang kita terima adalah kategori satu dan dua.

“Bagaimanapun, saya ingin tegaskan kepada rakyat Kelantan walaupun disuntik jangan berasa kita 100 peratus dilindungi. Prosedur operasi standard (SOP) norma baharu perlu terus kekal dipatuhi dan diamalkan,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai bekalan vaksin sebanyak 1.2 juta dos yang diterima sepanjang bulan

ini, Dr Zaini berkata, pihaknya mengambil inisiatif melakukan pemberian vaksin secara jumpa terus (*walk-in*) untuk memaksimumkan kadar vaksinasi.

Katanya, kira-kira 120,000 penduduk daripada 1.2 juta populasi dewasa di negeri itu yang layak divaksin masih belum menerima suntikan.

“Kita belum pasti sama ada mereka berada di Kelantan atau di luar namun saya berharap mereka yang belum disuntik agar segera datang ke mana-mana pusat pemberian vaksin untuk menerima suntikan memandangkan kita sudah melakukannya secara *walk-in*,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

## KKM kesan 19 kluster baharu

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 23,469 kes sembuh dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 1,863,922 kes atau 88.9 peratus daripada keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes sembuh itu mengatasi jumlah kes harian baharu yang dilaporkan sebanyak 14,954 kes menjadikan keseluruhan kes positif Covid-19 dalam negara mencecah 2,097,830 kes.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 14,943 adalah kes tempatan manakala 11 lagi kes import yang membatikan sembilan warganegara dan dua bukan warganegara.

“Selain itu, 243 kes atau

1.6 peratus daripada jumlah kes harian yang dilaporkan adalah pesakit kategori tiga, empat dan lima manakala 14,711 kes (98.4 peratus) lagi terdiri daripada kategori satu serta dua,” katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Sarawak kekal merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 2,707 kes diikuti Selangor (2,028 kes), Johor (1,948 kes), Kelantan (1,420 kes), Sabah (1,356 kes), Pulau Pinang (1,259 kes), Perak (1,222 kes), Kedah (809 kes) dan Pahang (705 kes).

Selain itu, katanya, Terengganu mencatatkan 671 kes, Kuala Lumpur (383 kes), Melaka (207 kes), Negeri Sembilan (144 kes), Perlis (76 kes), Putrajaya (19 kes) dan sifar kes di Labuan.

Mengenai pesakit menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU), beliau berkata seramai 1,194 kes memerlukan rawatan di ICU yang mana 882 kes disahkan Covid-19 manakala 312 kes suspek, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

Menurutnya, seramai 665 pesakit yang dirawat di ICU itu memerlukan bantuan pernafasan termasuk membatikan 264 kes suspek, kemungkinan dan dalam siasatan.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mengesan kewujudan 19 kluster baharu menjadikan jumlah keseluruhan kluster Covid-19 di negara ini sebanyak 5,282 kluster dengan 1,348 kluster aktif.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

## 36,507 mula disuntik pada Selasa

**Kuala Terengganu:** Seramai 36,507 pelajar tingkatan empat dan lima di seluruh negeri ini akan mula menerima suntikan vaksin Covid-19 pada Selasa depan.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, proses vaksinasi semua pelajar itu akan dilakukan di 54 sekolah di seluruh negeri.

Katanya, semua pelajar berusia 16 dan 17 tahun akan menerima suntikan vaksin Pfizer.

"Berdasarkan data jumlah pelajar yang akan menerima

vaksinasi terbabit, seramai 18,264 adalah pelajar tingkatan empat manakala bakiinya iaitu seramai 18,243 adalah pelajar tingkatan lima.

"Jumlah pelajar yang akan menerima suntikan vaksin hanya membabitkan sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk sekolah menengah agama dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)," katanya selepas melakukan tinjauan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di Pasar Ke-

dai Payang di sini, semalam.

Turut melakukan tinjauan pematuhan SOP adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar, Ahmad Shah Muhamed, Datuk Bandar Kuala Terengganu, Rozali Salleh dan Pegawai Daerah Kuala Terengganu, Ariffin Abdullah.

Mengulas lanjut, Dr Kasemani berkata, program vaksinasi kepada semua pelajar tingkatan empat dan lima dijangka siap sebelum sesi persekolahan bermula pada 3 Oktober depan.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

## Kes menurun ke 14,954

**PUTRAJAYA** – Kes harian negara hari ini mencatat angka di bawah 15,000 dengan 14,954 kes dilaporkan, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 2,097,830 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sarawak merekodkan sebanyak 2,707 kes, diikuti oleh Selangor sebanyak 2,028 kes dan Johor sebanyak 1,948 kes.

“Kelantan (1,420 kes), Sabah (1,356 kes), Pulau Pinang (1,259 kes), Perak (1,222 kes), Kedah (809 kes), Pahang (705 kes), Terengganu (671 kes), Kuala Lumpur (383 kes), Melaka (207 kes) dan Negeri Sembilan (144 kes).

“Perlis pula (76 kes) dan Putrajaya (19 kes), manakala tiada jangkitan baharu di Labuan hari ini,” katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Sementara itu, sebanyak 342 kes kematian dilaporkan kelmarin seperti yang dipaparkan di laman web **COVIDNOW**.

Mengikut data yang dikemas kini sehingga pukul 11.59 malam kelmarin, daripada jumlah terse-



but, sebanyak 109 kematian dilaporkan purata sehari bagi tempoh tujuh hari.

“Angka 324 kematian ini menjadikan, jumlah kes kematian akibat Covid-19 kini mencecah 23,067 kes.

“Terdapat 70 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) menjadikan jumlah kematian BID sebanyak 4,397 kes,” katanya di sini semalam.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : LAPORAN KHAS

## Sindiket pemalsuan sijil digital vaksin akan dikenakan tindakan

SHAH ALAM - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan bahawa pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap individu yang terlibat dalam sindiket pemalsuan sijil digital vaksin.

Beliau menyifatkan perbuatan tersebut sebagai tidak bertanggungjawab kerana tindakan itu adalah satu cubaan untuk menggagalkan usaha kerajaan memulihkan negara daripada wabak Covid-19.

"Perbuatan tersebut adalah satu penghinaan kepada

usaha gigih petugas barisan hadapan dan sukarelawan vaksin dalam memastikan seramai mungkin penduduk Malaysia menerima vaksinasi lengkap.

"Saya telah menyasarkan untuk menyelesaikan aduan-aduan berhubung sijil vaksin digital dalam aplikasi MySejahtera.

"Saya juga ingin mengingatkan para petugas pusat pemberian vaksin (PPV) supaya semak



KHAIRY JAMALUDDIN

dan pastikan setiap penerima vaksin telah menerima sijil vaksin digital dalam aplikasi MySejahtera sebelum mereka meninggalkan PPV," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Khairy berkata, terdapat aduan daripada individu yang menerima vaksin di PPV yang bukan dikendalikan oleh KKM dan ProtectHealth Corporation

(Protect Health).

Masalah tersebut kata beliau, berlaku kerana PPV tersebut tidak menggunakan sistem MySejahtera.

Tegas beliau, situasi tersebut menyebabkan sijil vaksin digital tidak dapat dipaparkan dalam aplikasi MySejahtera sebaik sahaja proses pemberian vaksin selesai.

"Sijil digital vaksin akan dipaparkan dalam MySejahtera di PPV dalam kendalian KKM sahaja.

"Saya ingin memaklumkan bahawa dalam tempoh seminggu,

MySejahtera telah menyelesaikan lebih 500,000 masalah ketiadaan paparan sijil vaksin digital dalam aplikasi tersebut dan akan terus mengemas kini maklumat penerima vaksin dari masa ke masa.

"Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap tetapi masih belum menerima sijil vaksin digital dalam aplikasi MySejahtera, anda boleh menggunakan kad vaksinasi fizikal untuk memanfaatkan kemudahan bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# 14,954 kes baharu Covid-19

Kes jangkitan turun empat hari berturut-turut, Labuan sifar kes baharu

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Jumlah kes baharu Covid-19 negara terus mencatatkan penurunan empat hari berturut-turut apabila merekodkan 14,954 kes pada Ahad berbanding 15,549 kes sehari sebelum itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaru itu menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 kepada 2,097,830 setakat jam 12 tengah hari Ahad.

Beliau berkata, dua negeri yang merekodkan kes melebihi 2,000 adalah Sarawak iaitu 2,707 dan diikuti Selangor sebanyak 2,028 kes.

"Johor merekodkan sebanyak 1,948 kes diikuti Kelantan (1,420), Sabah (1,356), Pulau Pinang (1,259), Perak (1,222), Kedah (809), Pahang (705), Terengganu (671) dan Melaka (207), Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan (144).

"Perlis pula merekodkan sebanyak 76 kes baharu Covid-19 disusuli dengan Putrajaya (19), manakala tiada kes baha-

ru di Labuan," katanya menerusi ciapan di Twitternya pada Ahad.

Jelasnya, penggunaan katil bukan unit rawatan rapi (ICU) Covid-19 di seluruh negara setakat jam 5 petang Sabtu berada pada kadar 67 peratus dengan Kelantan merekodkan penggunaan tertinggi iaitu 98 peratus diikuti Sarawak (94 peratus) dan Pulau Pinang (87 peratus).

Bagi katil ICU, kadar penggunaannya di seluruh negara adalah sebanyak 72 peratus dengan Pulau Pinang memiliki penggunaan tertinggi iaitu 91 peratus diikuti Terengganu (90 peratus), Kuala Lumpur (88 peratus), Kelantan (82 peratus) dan Kedah (81 peratus).

Beliau turut memaklumkan kadar vaksinasi lengkap Covid-19 rakyat

Malaysia setakat Sabtu telah mencecah 56 peratus dengan individu yang baru mendapat satu dos vaksin adalah sebanyak 67.2 peratus.

"Lembah Klang mempunyai kadar vaksinasi dewasa tertinggi iaitu 106.1 peratus diikuti Labuan (97.8 peratus), Negeri Sembilan (93.1 peratus), Sarawak (89.2) dan Perlis (83.2 peratus).

"Kadar vaksinasi di Melaka dan Terengganu adalah 76.7 peratus, Pulau Pinang (73.7 peratus), Johor (68.4 peratus), Kedah (60.6 peratus), Pahang (60.4 peratus), Perak (59.8 peratus), Kelantan (56.6 peratus) dan Sabah (54.4 peratus)," ujarnya.



DR NOOR HISHAM

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

## 1.8 peratus belum lengkap vaksin

**JOHOR BAHRU** - Sasaran kadar vaksinasi Covid-19 bagi populasi dewasa di negara ini akan dicapai sepenuhnya apabila baki 1.8 peratus berjaya dilengkapkan dalam tempoh terdekat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sebanyak 78.2 peratus daripada keseluruhan populasi dewasa telah lengkap divaksin setakat Sabtu dan 93.1 peratus daripadanya menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Menurutnya, kadar populasi dewasa yang lengkap divaksin turut ditumpukan di peringkat negeri dengan sasaran sekurang-kurangnya 60 peratus menjelang akhir September.

"Pada bulan ini, kadar liputan lebih tinggi di beberapa negeri tertentu. Usaha vaksinasi diteruskan di negeri yang masih mencatatkan kadar rendah iaitu Kelantan, Pahang, Kedah, Perak dan Sabah.

"Kadar vaksinasi negara setakat Sabtu adalah sebanyak 232,559 suntikan dos. Jumlah terbesar diberi di Sabah, Johor dan Lembah Klang," katanya. Beliau berkata demiki-

an pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Laju Orang Kurang Upaya (OKU) Sentral di Pusat Akuatik Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) Arena Larkin Johor Bahru di sini pada Ahad.

